

DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



## DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



Strategic  
Partners:



Lembaga Muzium  
Negeri Kedah



Suan Sunandha Rajabhat  
University, Thailand



Far Eastern University  
Phillipines



Hanseo University  
Korea



كلية التقنية العليا  
HIGHER COLLEGES OF TECHNOLOGY

United Arab Emirates

**DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION**



Copyright ©2021  
by the Faculty of Art and Design,  
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, copied, stored in any retrieval system or transmitted in any form or by any means, electronic, mechanical, photocopying, recording or otherwise, without the prior permission from the Rector, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kedah Branch, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Cover Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

Layout Design : Neesa Ameera Mohamed Salim

: Syahrini Shawalludin

: Abdullah Kula Ismail

Chief Editors : Neesa Ameera Mohamed Salim

Faryna Mohd Khalis

ISBN 978-967-2948-13-1

Editors : Ts. Normarziana Hassan

Juaini Jamalludin

Syahrini Shawalludin

Siti Fairuz Ibrahim

Abdullah Kula Ismail

Printed by

Sinaran Bros. Sdn Bhd (No. 3968-X)

Percetakan-Offset-Digital-Penjilid

5-3-18, The Promenade,

Permaisuri Mahsuri,

11950, Bayan Baru,

Pulau Pinang, Malaysia

sinaranbros.digital@gmail.com

# Aneeza Mohd Adnan


## Satu

Penghujung tahun 2019 seluruh negara digemparkan dengan penularan satu virus yang mengancam nyawa manusia. Coronavirus merupakan satu molekul yang sangat kecil namun ianya menjadi iguan ngeri setiap manusia kerana sifatnya yang tidak mengenal mangsa. Berasal dari negara China dan terus merebak ke seluruh negara dalam masa yang singkat melalui kontak rapat. Pelbagai lapisan masyarakat terkesan dengan penularan wabak ini dan pelbagai usaha juga telah dilakukan oleh Kerajaan demi membendung dari terus merebak, antaranya ialah dengan mengadakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). PKP dilaksanakan dengan menghadkan pergerakan, penutupan premis-premis perniagaan, sistem pendidikan dijalankan dari rumah dan pematuhan SOP dengan sentiasa memakai pelitup muka dan penjarakan sosial. Ini adalah cabaran yang terpaksa dihadapi oleh setiap golongan masyarakat demi memerangi pandemik Covid 19.

Institusi Pendidikan seperti Universiti dan sekolah banyak menyokong usaha Kerajaan demi memerangi isu ini antaranya dengan mengadakan program untuk melahirkan kesedaran dikalangan pelajar dan tenaga pengajar. Antara program yang sering diadakan ialah forum dan ceramah alam maya menerusi aplikasi zoom, webec, google meet dan banyak lagi. Tidak ketinggalan juga sokongan yang diberikan dalam penghasilan karya seni di Institusi Pengajian Tinggi atau sekolah-sekolah melalui penganjuran pameran dan pertandingan bertemakan pandemik Covid 19. Ramai penggiat seni juga telah menghasilkan karya berinspirasikan isu pandemik ini dalam menzahirkan perasaan dan kesedaran terhadap kesan yang terpaksa dihadapi. Tajuk ‘Satu’ adalah simbolik terhadap gambaran keseluruhan karya yang dihasilkan. ‘Satu’ membawa banyak maksud tersirat, antaranya semua umat Islam haruslah berpegang pada Allah yang ‘satu’ dalam

menghadapi cabaran pandemik ini. ‘Satu’ juga membawa maksud, jika kita tersilap satu langkah dengan tidak menjaga diri dan mengamalkan SOP yang ditetapkan maka kita telah meletakkan diri dalam bahaya. ‘Satu’ matlamat dan hasrat yang dipegang oleh pihak Kerajaan khususnya petugas di bariisan hadapan adalah memastikan seluruh rakyat Malaysia pulih seperti sediakala. Tekstur jalinan yang menjalar menuju ‘satu’ arah yang sama menggambarkan keadaan setiap individu yang berlumba-lumba untuk mencapai kebebasan. Manakala terdapat tiga bahagian yang tidak dilorekkan adalah gambaran kerja keras petugas dibarisan hadapan demimemastikan penularan wabak ini dapat dihentikan. Molekul Coronavirus dilukis diantara tekstur jalinan adalah gambaran bahawa virus ini sentiasa bebas mencari mangsanya yang tidak kira peringkat umur. Tanpa benteng yang kuat maka virus ini akan menembusi jalinan tersebut seterusnya meluaskan lagi empayarnya. Manakala seekor rama-rama terbang bebas adalah gambaran ‘satu’ impian semua rakyat yang inginkan kembali kehidupan bebas, aman dan harmoni.

Dari segi warna pula, pemilihan merah, jingga dan kuning adalah gambaran keadaan masyarakat yang panas dan penuh emosi dalam menghadapi ujian ini. Jika mereka tidak berpegang kepada agama maka ujian ini menjadi satu beban buat mereka dari segi emosi dan juga aspek kehidupan. Wabak ini merupakan ujian yang memberi seribu hikmah kepada mereka yang berada dibawah landasan agama. Setiap ujian yang dihadapi dengan rasa syukur dan sabar akan memperoleh ketenangan jiwa seperti gambaran warna biru dan hijau. Wabak Covid 19 memberi impak yang besar terhadap ekonomi, sistem pendidikan dan kehidupan sosial rakyat di negara Malaysia. Sifat angkuh dan pentingkan diri sesetengah individu apabila tidak mengikut arahan dan SOP yang telah ditetapkan oleh Kerajaan akan menyebabkan penularan yang berleluasa. Pihak Kerajaan tidak dapat membantu sekiranya setiap individu tidak mempunyai tahap kesedaran yang tinggi dalam menangani isu ini. Oleh itu setiap individu dari pelbagai lapisan masyarakat haruslah menjaga diri sendiri supaya kita bersama-sama meraih kejayaan membendung penularan wabak ini seterusnya terhindar dari negara Malaysia.



ANEEZA MOHD ADNAN  
Satu

Watercolor doodle  
Water color dan Art pen  
aneez843@uitm.edu.my

## DESIGN DECODED 2021 : ART EXHIBITION



ISBN 978-967-2948-13-1

9 7 8 9 6 7 2 9 4 8 1 3 1



Galeri  
seni merbok